

Usah jejas alam sekitar

BAH 12 AUG 1994

TANAH RATA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan pembinaan bangunan di kawasan bukit dan gunung dirancang dengan teliti bagi melindungi keadaan semula jadi di kawasan terbabit.

Perdana Menteri berkata, langkah itu penting bukan saja untuk mengelak pencemaran, malah memastikan alam semula jadi di kawasan tinggi sentiasa terpelihara.

Beliau juga menegur kerajaan negeri dan jabatan yang enggan mematuhi arahan tidak memotong pokok dan bukit ketika melaksanakan projek pembangunan.

"Ada antara kerajaan negeri terbabit, mengeluarkan lesen membalak di atas bukit dan gunung sehingga

menjejaskan keindahan alam semula jadi di kawasan berkenaan," katanya selepas merasmikan Pesta Bunga Cameron Highlands 1994 di sini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob; Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Chan Kong Choy serta Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wan Abu Bakar Wan Mohamad.

"Ada banyak cara melaksanakan projek pembangunan tanpa memerlukan pemotongan bukit dan banyak pokok bagi mengelak merosakkan alam semula jadi.

"Contohnya, bagi pembinaan jalan raya, kita boleh menggunakan jambatan atau terowong untuk meng-

elakkan pemotongan bukit dan pokok," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun perbelanjaan bagi mengelakkan pemotongan bukit dan pokok ketika melaksanakan sesuatu pembinaan adalah tinggi, ia perlu dilakukan bagi mengekalkan alam semula jadi.

"Keindahan alam semula jadi di negara ini adalah hak rakyat dan ia memberi pendapatan menerusi kedatangan pelancong kerana negara mereka tidak lagi mempunyai keindahan alam semula jadi.

"Jika semua bukit dan pokok ditebang, kita sudah tidak ada keistimewaan bagi menarik kedatangan pelancong asing," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata,

kerajaan negeri boleh mengekalkan keseimbangan alam sekitar ketika melaksanakan projek pembangunan dengan melakukannya mengikut kedudukan kontor.

Mengenai dasar penswastaaan, Perdana Menteri berkata, pelaksanaan dasar itu membantu mempercepatkan penyediaan kemudahan kepada rakyat.

Katanya, projek pembangunan menerusi dasar penswastaaan bertujuan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat menerusi peluang yang wujud daripada kemudahan disediakan.

Beliau memberi contoh mengenai pembinaan Lebuhraya Utara Selatan yang menerima rungutan pihak tertentu tetapi rakyat tetap menggunakannya.